

Dr Asma dapat pengiktirafan tertinggi



Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Datuk Dr Asma Ismail (**gambar**), mencipta sejarah dalam bidang pendidikan tinggi negara apabila menjadi ahli akademik pertama dari Malaysia dianugerahkan Honorary Degree Doctor of Science (DSc) dari University of Glasgow, Scotland.

Pengiktirafan tertinggi daripada universiti itu disampaikan Canselor University of Glasgow, Profesor Sir Kenneth Calman sempena Commemoration Day, baru-baru ini.

Turut menerima anugerah

sama ialah Profesor Srinath Reddy, President Public Health Foundation, India dan Professor Mark Walport, Director Wellcome Trust, United Kingdom.

Anugerah ini di atas pencapaian cemerlang sebagai saintis dan sumbangan kepada masyarakat melalui kepakaran dalam bidang mikrobiologi dan bioteknologi perubatan.

Semasa bertugas sebagai pengarah di Institute for Research in Molecular Medicine (INFORMM), Universiti Sains Malaysia (USM), dedikasi dan komitmennya bersama rakan penyelidik lain

menghasilkan beberapa kit diagnostik bagi menyelesaikan masalah berkaitan jangkitan dan penyakit tropika dengan kos rendah.

Penghasilan kit TYPHI-DOT bagi mengesan demam kepialu dipasarkan dengan meluas ke 18 negara, terutamanya negara miskin dan negara membangun.

Kit ini memberi kesan yang besar kepada bidang sains, industri dan masyarakat dunia bukan saja daripada aspek penjagaan kesihatan, malah menjana ekonomi.